

PENGAYAAN 2 : MORFOLOGI

Disediakan oleh Cikgu Rozita

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan enam frasa kerja aktif dan empat frasa kerja pasif. Kenal pasti jenis-jenis frasa tersebut dan tulis dalam jadual di bawah. Anda perlu menyusun frasa tersebut mengikut urutan dalam petikan. Jawapan tidak boleh dilangka kedudukan. Frasa yang sama yang berulang tidak perlu ditulis sekali lagi. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri bagi semua perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Sejarah dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan yang telah kita lakukan dahulu sepatutnya menjadi pengajaran, manakala kebaikan yang dicapai kita teruskan. Bak kata pepatah Melayu, yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan. Sebagai contoh, negara kita pernah dijajah oleh negara asing sejak tahun 1511 hingga 1957. Kesilapan yang dilakukan ini tidak harus diulangi oleh generasi kini. Sebaliknya, kita mesti mempertahankan dan membangunkan negara.

(20 markah)

Frasa Kerja Aktif	Frasa Kerja Pasif

Membina Ayat

1. Kita perlu _____ akan kes-kes pencemaran yang berlaku akibat tidak menjaga kebersihan sungai.
2. Setiap rakyat perlu _____ negara daripada anasir-anasir negatif.
3. Kita perlu _____ daripada najis dadah kerana dadah memudaratkan diri.
4. Akibat pernah _____, banyak sektor ekonomi di negara kita dikuasai oleh kaum penjajah.
5. Banyak perkara yang _____ sepanjang kehidupan kita di dunia ini.
6. Sengaja _____ merupakan tindakan kurang bijak yang dilakukan oleh manusia.
7. Kerjasama erat dalam kalangan rakyat perlu untuk _____ pada masa ini.
8. Kemalangan yang menyebabkan kekasihnya meninggal dunia itu _____ kepada Aiman agar tidak menggunakantelefon bimbit semasa menunggang motosikal.
9. Perjuangan membasmi Covid 19 perlu _____ di negara ini.
10. Perbuatan khianat kepada negara tidak seharusnya _____.